NG HONG CHOON

lwn.

MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
MOHAMED DZAIDDIN H
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-110-90]
28 DISEMBER 1991

TAHANAN PENCEGAHAN: *Permohonan writ habeas corpus - Tahanan dilanjutkan - Samada pemohon ditahan lebih dari 24 jam - Kemasukan afidavit tambahan selepas perbicaraan tutup - Makna perkataan "seterusnya" - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(2) (c), 6(1)*

Berdasarkan perintah tahanan yang bertarikh 14 Julai 1990, pemohon telah ditahan dibawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Didalam permohonan writ habeas corpus ini, pemohon telah membangkitkan isu tersebut:

(a) bahawa pemohon telah ditahan lebih daripada 24 jam sebelum kebenaran penahanan dilanjutkan. Oleh sebab itu, penahanan pemohon selepas jam 11.50 pagi pada 17 Mei 1990 adalah tanpa kuasa undang-undang dan adalah tidak sah;

(b) bantahan mengenai kemasukan afidavit tambahan olih Inspektor berkenaan bertarikh 30 Ogos 1991 kerana perbicaraan telah tutup - pihak responden tidak patut dibenar membuka semula dan diberi kebebasan membetulkan kesilapan kes mereka dan;

(c) kenyataan Pemangku Pesuruhjaya Kanan Polis (PPKP) bahawa beliau telah seterusnya melapurkan keadaan penahanan kepada Menteri tidak mencukupi s. 3(2)(c) kerana perkataan "seterusnya' tidak menerang dengan lebih lanjut dan tepat akan tarikh dan waktu PPKP melapurkan keadaan itu kepada Menteri.

Diputuskan:

[1] Kesilapan mengenai masa didalam perenggan 2 dan 5 adalah kesilapan atau keciciran yang tidak sengaja yang boleh pada bila-bila masa diperbetulkan. Mahkamah menerima afidavit tambahan Inspektor berkenaan berdarakan prinsip bahawa Mahkamah tidak akan mengambil kira perkara yang tidak penting.

[2] Berdasar kepada fakta-fakta yang terkandung didalam lapuran polis dan surat kebenaran melanjutkan penahanan, tindakan yang diambil oleh Inspektor tersebut adalah teratur dan sempurna mengikut s. 3(2)(a) Akta tersebut. Kesilapan tersebut tidak menjejaskan tahanan selama lebih daripada 24 jam.

[3] Berasaskan keterangan yang dinyatakan dalam afidavit tambahan PPKP, afidavit ini telah memenuhi kehendak s. 3(2)(c) Akta tersebut.

[Permohonan writ habeas corpus ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Tan Boon Aun v. Timbalan Menteri Dalam Negeri dan SL [1990] 3 CLJ (Rep) 171 ***(diikuti)***
Cheah Thiam Swee v. Overseas Union Bank [1989] 1 CLJ (Rep) 386 ***(dibezakan)***
Tan Yap Seng v. Ketua Polis Negara & 2 OL [1991] 4 CLJ (Rep) 118 ***(dibezakan)***

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.
Bagi pihak responden - Jalaldin bin Hussain; Peguam Kanan Persekutuan

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985, ss. 3(2)(a), (2)(c), 6(1)

PENGHAKIMAN

Mohamed Dzaiddin H:

Pemohon telah ditahan di bawah perintah tahanan 14 Julai 1990, yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia, di bawah kuasa yang diberikan kepadanya di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta tersebut) kerana terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya.

Di dalam permohonan ini bagi mendapat suatu writ *habeas corpus* supaya beliau dibebaskan dari tahanan, melalui peguamnya, beliau telah membangkitkan dua isu yang boleh menyebabkan tahanan tersebut tidak sah dan melanggar Perlembagaan Persekutuan. Isu-isu ini tertumpu kepada s. 3(2)(a) dan (c) Akta tersebut. Subseksyen ini berbunyi demikian:

> 3(2) Mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan dibawah seksyen ini boleh ditahan dalam jagaan polis selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam puluh hari tanpa suatu perintah tahanan dibuat mengenai orang itu di bawah subs. (1) s. 6:

Dengan syarat bahawa:

(a) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada dua puluh empat jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi;

(b) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat puluh lapan jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;

(c) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat belas hari melainkan jika seorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa yang lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan itu kepada Ketua Polis Negara bagi maksud itu Ketua Polis Negara atau pegawai polis yang ditetapkan sedemikian olehnya, mengikut mana yang berkenaan hendaklah melaporkannya kepada Menteri.

Bagi isu pertama, Encik Karpal Singh di dalam penghujahan beliau pada 26 Disember 1990, merujuk kepada kandongan afidavit bertarikh 28 September 1990 yang diikrarkan oleh Inspektor Zakaria bin Yusof, seorang pegawai polis dari Cawangan Anti Dadah yang bertanggungjawab ke atas tahanan pemohon. Mengikut perenggan 2, Inspektor Zakaria berikrar bahawa beliau menangkap dan menahan pemohon pada 16 Mei 1990 di bilik 114 Hotel Apollo, No. 4475 Jalan Kampong Benggali, Butterworth pada jam 11.50 **pagi**. Di dalam perenggan 5, beliau menyatakan bahawa pada 17 Mei 1990, jam 3.30 **petang**, beliau telah membenarkan tempoh penahanan pemohon dilanjutkan melebihi 24 jam di bawah s. 3(2) Akta tersebut. Jadi, tegas Encik Karpal, mengikut kiraan masa, pemohon telah ditahan lebih daripada 24 jam sebelum kebenaran penahanan dilanjutkan. Maka berpandu kepada keputusan di dalam kes *Tan Boon Aun lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan Seorang lagi*, [1990] 3 CLJ (Rep) 171 penahanan pemohon selepas jam 11.50 pagi pada 17 Mei 1990, adalah tanpa kuasa undang-undang (no legal backing) dan dengan demikian, penahanan tersebut tidak sah dan pemohon patut dibebaskan dengan serta-merta.

Di dalam jawapan balas, Encik Jalaldin, Peguam Kanan Persekutuan mengakui bahawa memang terdapat kesilapan mengenai masa di dalam afidavit Inspektor Zakaria. Bagaimana pun beliau menyeru saya meneliti kesilapan tersebut secara keseluruhan serta memberi pertimbangan kepada laporan polis yang dijalih sebagai Eks. ZY1 dan kebenaran melanjutkan tahanan sebagai

Eks. ZY2 di dalam afidavitnya. Dari kedua-dua Eks. ini, adalah nyata bahawa masa yang dimaksudkan di dalam perenggan 2 adalah "jam 2350 hours" iaitu "11.50 malam". Begitu juga masa yang dimaksudkan di dalam perenggan 5 bukanlah jam 3.30 petang, tetapi "0330 hours". Encik Jalaldin kemudian memohon kebenaran untuk memasuki afidavit tambahan bagi meminda kesilapan ini. Perlu disebutkan di sini bahawa sewaktu perbicaraan pada 26 Disember 1990, kes *Tan Boon Aun* (*supra*) adalah disenaraikan sebagai kes rayuan di Mahkamah Agung. Jadi, atas permintaan kedua-dua pihak, saya menangguhkan keputusan ini ke suatu tarikh yang ditetapkan, menunggu keputusan rayuan tersebut. Oleh kerana rayuan telah ditarik balik oleh pihak Kerajaan pada 12 Disember 1991, maka saya telah mendengar kedua-dua peguam pada 19 Disember 1991. Pada hari tersebut, Encik Karpal Singh telah berhujah semula serta membangkitkan isu yang kedua. Beliau telah membantah kemasukan afidavit tambahan bertarikh 30 Ogos 1991 (lampiran 22) kerana perbicaraan telah pun tutup dan pihak responden tidak patut dibenar membuka semula dan diberi kebebasan membetulkan kesilapan kes mereka. Peguam merujuk kepada kes *Cheah Thiam Swee lwn Overseas Union Bank* [1989] 1 CLJ (Rep) 386 sebagai autoriti bahawa responden tidak boleh memfailkan afidavit tambahan selepas pihak pemohon tamat membuat penghujahan.

Pada penghakiman saya, setelah membaca afidavit Inspektor Zakaria dan ekshibit ZY-1 dan ZY-2, saya berpuashati bahawa kesilapan mengenai masa di dalam perenggan 2 dan 5 adalah kesilapan atau kecicirán yang tidak sengaja yang boleh pada bila-bila masa diperbetulkan. Dengan demikian, saya menerima afidavit tambahan Inspektor Zakaria yang membetulkan kesilapan tersebut. Pada pendapat saya kes rujuk *Cheah Thiam Swee* (*supra*) adalah tidak terpakai kerana dari segi fakta, keadaannya berlainan dari apa yang terdapat di dalam permohonan ini. Juga, di dalam menentukan samada kesilapan mengenai masa serius atau tidak, saya berpegang kepada maxim latin yang berbunyi "*de minimis non curat lex"* yang bermaksud "Mahkamah tidak akan mengambil kira perkara yang tidak penting".

Kedua, berdasarkan kepada fakta-fakta yang terkandung di dalam laporan polis (ekshibit ZY1) dan surat kebenaran melanjutkan penahanan (ekshibit ZY-2), saya berpuashati tindakan yang diambil oleh Inspektor Zakaria adalah teratur dan sempurna mengikut s. 3(2)(a) Akta tersebut. Dalam lain-lain perkataan, kesilapan yang tersebut di atas tidak menjejaskan tahanan selama lebih daripada dua puluh empat jam.

Mengenai isu yang kedua, Encik Karpal merujuk saya kepada afidavit Pemangku Pesuruhjaya Kanan Polis Osman bin Awal bertarikh 25 September 1990. Di perenggan 2 beliau menyatakan setelah beliau menerima laporan hal keadaan penangkapan dan penahanan dari Timbalan Penguasa Polis, Yahya bin Ismail, beliau **seterusnya** telah melaporkan keadaan itu kepada Menteri. Encik Karpal berhujah bahawa kenyataan ini adalah tidak mencukupi bagi kehendak s. 3(2) (c) di atas, kerana perkataan "seterusnya" tidak menerang dengan lebih lanjut dan tepat akan tarikh dan waktu PPKP Osman melaporkan keadaan itu kepada Menteri. Makna perkataan "seterusnya" atau di dalam bahasa Inggeris "forthwith" dalam konteks s. 3(2) (c) Akta tersebut telah pun diputuskan di dalam kes *Tan Yap Seng lwn Ketua Polis Negara dan 2 Org. Ln.* [1991] 4 CLJ (Rep) 118.

Mengikut Hakim Dato' Edgar Joseph Jr, perkataan "seterusnya" mestilah diberi makna mengikut keadaan yang terdapat di dalam satu-satu kes. Maka tanpa keterangan mengenai tarikh dan waktu bila laporan mengenai tanahan diberi kepada Menteri, Mahkamah tidak berhak membuat anggapan bahawa pegawai polis berkenaan telah melaporkan hal keadaan kepada Menteri di dalam masa yang dihadkan di bawah s. 3(2) Akta tersebut. Kes *Tan Yap Seng* (*supra*) telah pun disahkan oleh Mahkamah Agung.

a Encik Jalaldin merujuk kepada afidavit tambahan yang diikrarkan oleh PPKP Osman bin Awal pada 3 September 1991 (lampiran 21). Di dalam perenggan 4, beliau menyatakan pada 29 Mei 1990, jam 3.00 petang, beliau melaporkan hal keadaan tersebut kepada Menteri Dalam Negeri. Mengikut Peguam Persekutuan, keterangan ini telah menutup sebarang keraguan seperti yang terdapat di dalam kes *Tan Yap Seng (supra).*

b Pada penghakiman saya berasaskan keterangan yang dinyatakan di dalam afidavit tambahan oleh PPKP Osman bin Awal, saya berpuashati afidavit ini telah memenuhi kehendak s. 3(2)(c) Akta tersebut, yakni setelah menerima laporan hal keadaan penangkapan dan penahanan pemohon, maka pada hari yang sama, jam 3.30 petang, beliau melaporkan hal keadaan tersebut kepada Menteri Dalam Negeri.

c Akhir kata , setelah mengkaji permohonan ini pada keseluruhannya saya berpuashati bahawa tahanan yang dibuat terhadap pemohon adalah sah dari segi undang-undang. Dengan ini, saya menolak permohonan writ *habeas corpus* ini.

Also found at [1992] 1 CLJ 384

d

e

f

g

h

i